

10/08/2004

461 graduan UTP terima ijazah

SERAMAI 461 graduan Universiti Teknologi Petronas (UTP) akan menerima ijazah sarjana muda masing-masing pada Majlis Konvokesyen ke-4 universiti itu di kampus induknya di Bandar Seri Iskandar, Perak, pada 22 Ogos ini.

Daripada jumlah itu, 49 graduan menerima ijazah kelas pertama, iaitu 14 Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Elektrikal, Ijazah Sarjana Muda Teknologi Maklumat (11), Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Kimia (10), Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Mekanikal (lapan), Ijazah Sarjana Muda Teknologi Sistem Maklumat (lima) dan Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Awam (satu).

Turut menerima ijazah yang akan disampaikan Canselor UTP, Tun Dr Mahathir Mohamad, ialah 116 graduan Ijazah Sarjana Muda Teknologi Maklumat, Ijazah Sarjana Elektrikal (101), Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Kimia (83), Sarjana Muda Teknologi Sistem Maklumat (77), Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Mekanikal (76) dan kumpulan pertama lapan graduan Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Sivil.

Rektor UTP, Dr Rosti Saruwono, berkata seramai 19 graduan asing dari Afrika Selatan, Turkmenistan dan Sudan juga akan menerima ijazah masing-masing pada majlis berkenaan.

Sebelum majlis konvokesyen, beliau berkata, Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi akan merasmikan kampus baru UTP.

"Walaupun UTP mengambil pelajar sejak 1997, baru tahun ini kampus induk siap sepenuhnya. Dengan bangunan moden dan serba lengkap, ia mampu menampung 3,000 pelajar pada satu masa serta sesuai untuk majlis seperti konvokesyen, persidangan atau peperiksaan.

"Selain itu, kampus ini juga dilengkapi perpustakaan canggih yang mempunyai 500,000 judul buku dengan kapasiti 2,000 pelajar serta pejabat pengurusan tertinggi universiti," katanya.

(END)